

01/08/1998

PM akan temui pemimpin kesatuan sekerja

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin kesatuan sekerja bulan ini, sebagai menghargai sumbangan golongan pekerja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata perjumpaan itu bertujuan mendapatkan pandangan mereka mengenai langkah pemulihan ekonomi negara yang dilaksanakan kerajaan.

"Perdana Menteri bersetuju berjumpa dengan kepimpinan kesatuan sekerja, termasuk dari Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Cuepacs untuk mendapatkan maklum balas mengenai kegawatan.

"Ini adalah pendekatan baru iaitu pemimpin tertinggi berjumpa pemimpin kesatuan sekerja bagi bertukar pandangan, bersoal jawab dan menerima sendiri sebarang cadangan yang dikemukakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberitaan selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gabungan Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (Auegcas) Tri-Tahunan Ke-4, di sini hari ini.

Fauzi berkata, perjumpaan itu membuktikan pengorbanan golongan pekerja di negara ini dihargai kerajaan.

(END)